

**KESAN BEBAN KERJA, SOKONGAN PENYELIA
DAN SOKONGAN RAKAN SEKERJA
TERHADAP PENGLIBATAN KERJA
DALAM KALANGAN GURU
SEKOLAH BERASRAMA
PENUH DI SELANGOR**

SAKINAH BINTI ABD KAIYOM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

**KESAN BEBAN KERJA, SOKONGAN PENYELIA DAN SOKONGAN RAKAN
SEKERJA TERHADAP PENGLIBATAN KERJA DALAM KALANGAN
GURU SEKOLAH BERASRAMA PENUH DI SELANGOR.**

SAKINAH BINTI ABD KAIYOM

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGURUSAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



Please tick (✓)

Project Paper

Masters by Research

Master by Mixed Mode

PhD

☐
☒
☐
☐

INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the12.....day of.....Oktober.....2021.....

i. Student's Declaration:

I, SAKINAH BINTI ABD KAIYOM, M20172002183, FACULTY OF MANAGEMENT AND ECONOMICS (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled KESAN BEBAN KERJA, SOKONGAN PENYELIA DAN SOKONGAN RAKAN SEKERJA TERHADAP PENGLIBATAN KERJA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH BERASRAMA PENUH DI SELANGOR is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.


Signature of the student

ii. Supervisor's Declaration:

I DR. RAFIDURAIDA BINTI ABDUL RAHMAN (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled KESAN BEBAN KERJA, SOKONGAN PENYELIA DAN SOKONGAN RAKAN SEKERJA TERHADAP PENGLIBATAN KERJA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH BERASRAMA PENUH DI SELANGOR (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the Institute of Graduate Studies as a * ~~partial~~/full fulfillment for the conferment of MASTER OF MANAGEMENT (BUSINESS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

17/2/2022
Date


Signature of the Supervisor



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Kesan Beban Kerja, Sokongan Penyelia dan Sokongan Rakan Sekerja
Terhadap Penglibatan Kerja dalam Kalangan Guru Sekolah Berasrama
Penuh di Selangor.

No. Matrik /Matric's No.: M20172002183

Saya / I : Sakinah binti Abd Kaiyom

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR. RAFIDURAI DA ABUL RAHMAN
SENIOR LECTURER
FACULTY OF MANAGEMENT AND ECONOMICS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 18 FEBRUARI 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, saya dapat menyiapkan penulisan ini dengan jayanya. Sekalung penghargaan buat penyelia-penyelia saya, Dr. Rafiduraida binti Abdul Rahman dan Dr. Wan Salmuni binti Wan Mustaffa kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan kepada saya amat membantu untuk menyiapkan penulisan ini, di samping sentiasa bertolak ansur dengan masalah yang dihadapi oleh saya sepanjang tempoh pembelajaran. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan sepanjang proses menyiapkan penulisan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang bertindak sebagai pemudahcara dan membantu dengan menjawab pertanyaan-pertanyaan saya berkaitan penulisan. Akhir kata, saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan juga secara tidak langsung sepanjang tempoh penulisan ini dilaksanakan. Jasa anda amat saya hargai.





ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan kesan beban kerja, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di negeri Selangor. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk bukan eksperimental telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian dilaksanakan secara pensampelan rawak mudah melibatkan 274 orang guru SBP di negeri Selangor. Instrumen kajian melibatkan soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai mengikut keperluan dan kesesuaian kajian. Data yang diperolehi di analisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 23. Penyelidik menjalankan analisis statistik deskriptif untuk mengetahui tahap beban kerja, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja. Analisis statistik inferens juga dilaksanakan dan melibatkan analisis regresi pelbagai yang menerangkan kesan beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja terhadap penglibatan kerja. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap beban kerja adalah sederhana, manakala, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja adalah tinggi. Dapatan kajian juga mendedahkan bahawa terdapat kesan yang signifikan antara beban kerja ($\beta = .149, p < .05$), sokongan penyelia ($\beta = .184, p < .05$) dan sokongan rakan sekerja ($\beta = .461, p < .05$) terhadap penglibatan kerja guru di sekolah. Kesimpulannya, beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja memberi kesan terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru SBP di negeri Selangor. Implikasi daripada kajian ini, pihak pengurusan sekolah boleh memanfaatkan pandangan guru mengenai aspek-aspek yang dikaji dan menjadikan maklumat tersebut sebagai alat yang berguna untuk meningkatkan lagi penglibatan kerja dalam kalangan guru di SBP, Selangor.



EFFECT OF WORKLOAD, SUPERVISOR SUPPORT AND CO-WORKERS SUPPORT ON WORK ENGAGEMENT AMONG TEACHERS AT BOARDING SCHOOL IN SELANGOR

ABSTRACT

This study aimed to examine the level and effect of workload, supervisor support, co-workers support on work engagement among teachers at boarding school in Selangor. Quantitative approach with non-experimental design was used for this study. The selection of the study sample was carried out by simple random sampling involving 274 teachers at boarding school in Selangor. Research instrument involve questionnaires that was adapted and modified according to the needs and suitability of this study. Data obtained were analyses using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 23. Researcher conducted descriptive statistical analysis to identify the level of workload, supervisor support, co-workers support and work engagement. Inferential statistical analysis is also implemented and involves multiple regression analysis that describes the impact of workload, supervisor support and co-workers support on work engagement. The result showed that the level of workload was moderate, while the level of supervisor support, co-workers support and work engagement was high. The findings of the study also revealed that there were a significant effect between workload ($\beta = .149$, $p < .05$), supervisor support ($\beta = .184$, $p < .05$), co-workers support ($\beta = .461$, $p < .05$) on teacher work engagement. In conclusion, workload, supervisor support and co-workers support affect work engagement among teachers at boarding school in Selangor. Implication from this study, school management can utilize the views of teachers on the aspects studied and make the information as a useful tool to further increase work engagement among teachers at SBP, Selangor.



KANDUNGAN

Muka Surat

KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	18
1.5 Persoalan Kajian	19
1.6 Hipotesis Kajian	20
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	20
1.8 Signifikan Kajian	23



1.8.1	Kepentingan kepada Guru	23
1.8.2	Kepentingan kepada Pelajar	26
1.8.3	Kepentingan kepada Sekolah	28
1.8.4	Kepentingan kepada Negara	29
1.9	Batasan Kajian	30
1.10	Definisi Operasional	31
1.10.1	Beban Kerja	31
1.10.2	Sokongan Penyelia	32
1.10.3	Sokongan Rakan Sekerja	32
1.10.4	Penglibatan Kerja	33
1.10.5	Guru	34
1.10.6	Sekolah Berasrama Penuh	34

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	36
2.2	Sekolah Berasrama Penuh	37
2.3	Beban Kerja	41
2.4	Sokongan Penyelia	62
2.5	Sokongan Rakan Sekerja	76
2.6	Penglibatan Kerja	87
2.7	Teori Pertukaran Sosial (<i>Social Exchange Theory (SET)</i>)	97
2.8	Model-Model Penglibatan Kerja	100
2.8.1	Model Kahn's	101
2.8.2	Model Maslach, Schaufeli dan Leiter	102

2.8.3	Model Robinson, Perryman dan Hayday	103
2.8.4	Model Saks	105
2.8.5	Model Aon Hewitt	106
2.8.6	Model Bakker dan Demerouti (<i>Job Demand - Resources Model (JD-R)</i>)	107
2.9	Ringkasan Dapatan Kajian Lepas	113
2.10	Kesimpulan	139

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	140
3.2	Reka Bentuk Kajian	141
3.3	Lokasi Kajian	143
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	145
3.5	Teknik Pensampelan	149
3.6	Instrumen Kajian	151
3.7	Kesahan Kandungan	154
3.8	Kajian Rintis	157
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	161
3.10	Kaedah Analisis Data	162
3.10.1	Analisis Statistik Deskriptif	162
3.10.2	Analisis Statistik Inferens	164
3.11	Kesimpulan	168

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	169
4.2	Analisis Statistik Deskriptif	170
4.2.1	Profil Responden Kajian	171
4.2.2	Analisis Data Deskriptif	175
4.2.3	Normaliti	181
4.2.4	Lineariti	185
4.2.5	Multikolineariti	186
4.2.6	Nilai Ekstrim (<i>Outliers</i>)	189
4.3	Analisis Statistik Inferens	190
4.4	Ringkasan Pengujian Hipotesis	196
4.5	Kesimpulan	197

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	199
5.2	Ringkasan Kajian	200
5.3	Ringkasan Dapatan Kajian	204
5.3.1	Profil Responden Kajian	204
5.3.2	Tahap Beban Kerja, Sokongan Penyelia, Sokongan Rakan Sekerja dan Penglibatan Kerja	205
5.3.3	Kesan Beban Kerja, Sokongan Penyelia, Sokongan Rakan Sekerja dan Penglibatan Kerja	206
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	207
5.4.1	Tahap Beban Kerja, Sokongan Penyelia, Sokongan Rakan Sekerja dan Penglibatan Kerja Guru	208

5.4.2	Kesan Beban Kerja, Sokongan Penyelia, Sokongan Rakan Sekerja dan Penglibatan Kerja Guru	210
5.5	Implikasi Kajian	216
5.5.1	Teori Pertukaran Sosial (<i>Social Exchange Theory</i>)	216
5.5.2	Praktikal	219
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	227
5.7	Kesimpulan	229

RUJUKAN

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Matriks Aspek Model Penglibatan Kerja	112
2.2 Ringkasan Dapatan Kajian Lepas	114
3.1 Bilangan Sekolah Berasrama Penuh di Malaysia	144
3.2 Senarai Sekolah Berasrama Penuh di Negeri Selangor	146
3.3 Bilangan Guru Sekolah Berasrama Penuh Negeri Selangor	147
3.4 Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan	148
3.5 Bilangan Sampel di Sekolah Berasrama Penuh Negeri Selangor	150
3.6 Pemboleh ubah, Jumlah Soalan dan Nombor Item Soal Selidik	153
3.7 Kesahan Kandungan oleh Pakar Penilai	156
3.8 Nilai kebolehppercayaan Alfa Cronbach	159
3.9 Dapatan Nilai Kebolehppercayaan Alfa Cronbach	160
3.10 Garis Panduan bagi Skor Min Pemboleh Ubah Kajian	163
3.11 Ringkasan Analisis	167
4.1 Profil Responden Kajian	171
4.2 Garis Panduan bagi Skor Min Pemboleh Ubah Kajian	175
4.3 Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Setiap Item Beban Kerja	176
4.4 Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Setiap Item Sokongan Penyelia	177
4.5 Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Setiap Item Sokongan Rakan Sekerja	178



4.6	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Setiap Item Penglibatan Kerja	179
4.7	Nilai Kepencongan (<i>Skewness</i>) dan Kecerunan (<i>Kurtosis</i>) bagi Beban Kerja	182
4.8	Nilai Kepencongan (<i>Skewness</i>) dan Kecerunan (<i>Kurtosis</i>) bagi Sokongan Penyelia	183
4.9	Nilai Kepencongan (<i>Skewness</i>) dan Kecerunan (<i>Kurtosis</i>) bagi Sokongan Rakan Sekerja	184
4.10	Nilai Kepencongan (<i>Skewness</i>) dan Kecerunan (<i>Kurtosis</i>) bagi Penglibatan Kerja	185
4.11	Analisis Korelasi Pearson Pemboleh Ubah Kajian	187
4.12	Dapatan Nilai <i>Tolerance</i> dan <i>Variance Inflation Factor (VIF)</i>	188
4.13	Dapatan Nilai <i>Residuals Statistics</i>	189
4.14	Ringkasan Model Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	193
4.15	Ujian ANOVA dalam Analisis Regresi Pelbagai	193
4.16	Dapatan Analisis Regresi Pelbagai	195
4.17	Ringkasan Pengujian Hipotesis Kajian	197
5.1	Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis	207

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	21
3.1 Skala Likert	154
4.1 Garis Lurus (<i>Scatterplot</i>) Pemboleh Ubah Kajian	186



SENARAI SINGKATAN

AKEPT	Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi
BK	Beban Kerja
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
e-RAS 2.0	<i>Educational Research Application System</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
HVAC	<i>Heating Ventilation Air-Conditioning</i>
ICU	<i>Intensive Care Unit</i> (Unit Rawatan Rapi)
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JD-R	<i>Job Demand-Resources Model</i> (Model Sumber-Permintaan Pekerjaan)
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBI	<i>Maslach Burnout Inventory</i>
NKRA	<i>National Key Result Areas</i> (Bidang Keberhasilan Utama Negara)
NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PK	Penglibatan Kerja
PLS	<i>Partial Least Squares</i>
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SET	<i>Social Exchange Theory</i> (Teori Pertukaran Sosial)



SEM	<i>Structural Equation Modelling</i> (Model Persamaan Struktural)
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SK	Sekolah Kebangsaan
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SP	Sokongan Penyelia
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
SR	Sokongan Rakan Sekerja
SS	Sangat Setuju
STS	Sangat Tidak Setuju
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Kesahan Pakar
- C Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia
- D Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- E Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- F Analisis SPSS

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan sesebuah negara sebahagian besarnya bergantung kepada kadar pelaburan dalam pendidikan. Sektor pendidikan pada masa kini perlu menghadapi cabaran yang lebih besar untuk memenuhi tuntutan dan jangkaan dalam abad ke-21. Hal ini penting untuk memastikan daya saing dan kemampanan negara dalam jangka masa yang panjang. Sektor pendidikan di Malaysia telah melalui transformasi secara berterusan sepanjang tahun, di samping melaksanakan reformasi bagi menaiktaraf standard pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah dan juga institusi pengajian tinggi. Bagi melonjakkan piawai pendidikan di negara ini, peranan guru harus ditingkatkan kerana mereka merupakan tunggak utama dalam sektor ini.



Sehubungan dengan itu, penyelidik akan menghuraikan pengenalan ringkas mengenai penglibatan kerja di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor serta beberapa faktor yang dijangka akan memberi kesan kepada penglibatan kerja, iaitu beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja. Kesemua pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini akan dibincangkan serba sedikit dalam bab ini, terutamanya dari segi makna dan konsep dan diikuti dengan gambaran keseluruhan mengenai pemboleh ubah yang dikaji. Bab ini juga akan dibincangkan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, signifikan kajian dan batasan kajian. Seterusnya, bab ini akan diakhiri dengan perbincangan ringkas mengenai keseluruhan kajian yang akan dijalankan.

1.2 Latar Belakang Kajian



Zaman ledakan teknologi maklumat dan komunikasi kini telah memberi kesan terhadap sistem pendidikan negara. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu merancang dengan lebih teliti untuk menyediakan sistem pendidikan yang terbaik bagi melahirkan para pelajar yang mempunyai kompetensi dan nilai moral yang tinggi serta mampu untuk berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pendidikan adalah sektor yang penting kerana sektor ini dijadikan penanda aras untuk mengukur kejayaan sesebuah negara. Pendidikan juga merupakan tulang belakang sesebuah negara dan industri pendidikan berfungsi sebagai pembekal untuk industri-industri lain (Baijumon & Thomas, 2020). Tambahan pula, sektor pendidikan merupakan sektor yang menghasilkan tenaga kerja untuk industri lain, membangunkan usahawan dan mendorong pemikiran anak muda untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai





langkah telah diambil dan diusahakan oleh KPM untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.

Bagi merealisasikan hasrat KPM untuk meningkatkan kualiti pendidikan, guru perlu memainkan peranan yang penting kerana mereka bukan sahaja bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan sesi pengajaran dan pembelajaran, malah mereka perlu mementingkan pembentukan moral dan juga disiplin para pelajar. Guru juga bertanggungjawab dalam menyediakan suasana serta persekitaran yang kondusif bagi melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran, di samping bertanggungjawab untuk memahami dan mengubah pengetahuan pelajar dengan cara yang berkesan dan cekap. Guru turut berperanan dalam menerapkan sahsiah yang tinggi dan ilmu pengetahuan dalam diri para pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Nor Mohamad, Jamalul Lail & Ruzita, 2016). Oleh itu, dapat dilihat bahawa guru mempunyai tanggungjawab yang penting untuk membantu dalam mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk para pelajar.

Guru-guru di sekolah dimanfaatkan dengan cekap dan berkesan bagi membantu untuk mencapai matlamat pendidikan yang ditetapkan oleh pihak sekolah (Usman, 2016). Namun begitu, keberkesanan sekolah adalah bergantung kepada keberkesanan dan kecekapan sumber manusia di sekolah tersebut, khususnya para guru. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah perlu memanfaatkan kepakaran guru (Sukawati, Gunawan, Ubaidillah, Maulina & Santoso, 2020) dalam usaha untuk melahirkan generasi yang selaras dengan kehendak pasaran semasa walaupun perkara tersebut memberi cabaran kepada guru-guru untuk melaksanakannya.





Guru merupakan agen yang penting dalam menyampaikan pendidikan yang berkualiti kepada para pelajar, di samping menyumbang kepada pembangunan kualiti pendidikan dan modal insan yang tinggi kepada negara (Nurmazlina, Hardev Kaur & Rozalli, 2018). Oleh sebab itu, KPM memilih bakal guru yang terbaik sahaja untuk menyertai profesion perguruan serta melengkapkan mereka dengan kemahiran dan juga sokongan bagi membolehkan mereka menyumbangkan perkhidmatan yang terbaik ke arah mencapai keberhasilan yang berkualiti tinggi untuk setiap pelajar di sekolah.

Selain itu, guru juga merupakan orang yang utama untuk membentuk para pelajar supaya dapat meraih kejayaan dalam kerjaya mereka kelak (Nigama, Selvabaskar, Surulivel, Alamelu & Joice, 2018). Tugas seorang guru untuk mengajar para pelajar mempunyai kepentingan yang sangat besar. Melalui pengajaran yang disampaikan oleh guru, ia dapat membantu untuk membina keperibadian yang baik dan juga memberi ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Guru boleh dikatakan sebagai satu kerjaya yang rumit pada zaman ini. Hal ini demikian kerana guru memegang tanggungjawab untuk mengajar pelajar yang berbeza peringkat umur bagi subjek-subjek tertentu (Chee, Goy, Leow, Moo & Wong, 2016). Guru juga perlu melaksanakan kaedah pengajaran yang berkesan bagi menarik minat pelajar untuk belajar dan meminati subjek yang diajar oleh mereka, di samping membangunkan pengetahuan dan kemahiran para pelajar (Nigama & *et.al.*, 2018).

Namun begitu, reformasi dan juga pembaharuan yang dilaksanakan telah menyebabkan guru-guru terpaksa memikul pelbagai tugas yang mencabar dari masa ke masa. Pembaharuan yang dilaksanakan dalam sektor pendidikan adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi standard pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Perkara ini amat penting untuk memastikan kelestarian negara dan juga memastikan Malaysia mampu





berdaya saing di peringkat global dalam jangka masa yang panjang (Johanim, Yean & Zati, 2018). Oleh yang demikian, guru kekurangan masa untuk melaksanakan tugas hakiki, iaitu mengajar, menyediakan bahan bantu mengajar, menulis buku rekod dan menyemak buku latihan.

Perkara tersebut selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) pada tahun 2011 terhadap pengajaran guru di 41 buah sekolah menunjukkan bahawa 50 peratus daripada pengajaran yang disampaikan adalah berada pada tahap tidak memuaskan, manakala, hanya 12 peratus daripada pengajaran menggunakan amalan pedagogi yang terbaik dan mencapai standard yang tinggi (KPM, 2013). Dapatan tersebut menunjukkan bahawa kualiti pengajaran yang disampaikan oleh para guru berada pada tahap yang rendah.



Perkara tersebut berkait rapat dengan isu beban kerja para guru yang kian meningkat hari demi hari. Perkara ini didapati boleh memberi kesan buruk kepada kualiti sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh para guru serta penglibatan kerja mereka di sekolah. Jika guru-guru berjaya menyampaikan pendidikan yang berkualiti kepada para pelajar, ia mampu membawa kepada pembangunan ekonomi negara yang mantap (Zafarullah, 2016). Namun begitu, jika guru-guru berasa tertekan dengan beban kerja yang perlu dihadapi dan berasa tidak berpuas hati terhadap tugas yang perlu dilaksanakan, berkemungkinan mereka tidak akan menyelesaikan kerja-kerja tersebut dengan cara yang baik (Muhammad Riaz, Nazir, Maryam, Ghulam, Tayyaba & Hira, 2016). Oleh yang demikian, perkara ini akan memberikan kesan negatif terhadap pertumbuhan dan pembangunan sekolah tersebut, secara tidak langsung hal ini akan membantutkan pembangunan sesebuah negara.





Menurut Hashim Adnan, iaitu Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), kerja-kerja pentadbiran yang perlu dilaksanakan oleh para guru bukan satu perkara yang baharu kerana isu ini pernah dikaji oleh para penyelidik dan juga telah dibincangkan, tetapi, sehingga kini, masih tiada jalan penyelesaian diputuskan untuk menyelesaikan masalah tersebut (Borhan, 2016). Sehingga kini, guru-guru perlu melaksanakan kerja-kerja pentadbiran, seperti mengisi borang, menyediakan sijil penyertaan, menaip surat, menyediakan kertas kerja, di samping menguruskan unit beruniform, kelab dan persatuan serta rumah sukan (Arzizul & Norizah, 2018).

Peningkatan beban kerja menyebabkan guru-guru terpaksa bekerja lebih masa di sekolah atau masih terlibat dengan kerja-kerja selepas tamat waktu bekerja. Tambahan pula, kemajuan teknologi, seperti emel, telegram dan whatsapp boleh menghubungkan dan melibatkan para guru dengan kerja semasa waktu peribadi mereka. Kini, guru bukan sahaja bertindak sebagai pendidik untuk menyebarkan ilmu pengetahuan, malah mereka juga bertindak sebagai pengurus, perancang, fasilitator dan juga menjadi contoh kepada masyarakat setempat (Johanim, Yean & Zati, 2018). Perkara tersebut akan membangkitkan pelbagai masalah, seperti ketidakpuasan bekerja, tekanan dan pengurangan penglibatan (Anila & Krishnaveni, 2016). Oleh itu, guru akan berasa tertekan serta kemurungan dan secara tidak langsung ia akan mempengaruhi penglibatan kerja dan juga kerjaya mereka.

Pada awal tahun 2019, Menteri Pendidikan, iaitu Dr. Maszlee Malik telah melaksanakan lima inisiatif untuk mengurangkan beban kerja yang dihadapi oleh guru. Inisiatif pertama melibatkan pengurusan fail dan dokumentasi. Melalui inisiatif ini, terdapat tiga intervensi yang dilaksanakan, iaitu Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), fail panitia dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Bagi pengurusan SPBT, proses merekod akan ditambah





baik dari segi bilangan fail dan pengisian maklumat secara salinan digital. Fail panitia pula, pihak sekolah diberi autonomi untuk menentukan bilangan fail dan dokumen yang perlu disimpan sama ada secara salinan digital atau salinan keras mengikut kesesuaian sekolah. Untuk laporan PBD, guru hanya perlu membuat cetakan mengikut keperluan sekolah sahaja.

Inisiatif kedua melibatkan pengurusan data dan sistem atas talian. Data-data sekolah, guru dan juga murid boleh diambil daripada sistem-sistem sedia ada yang diperaku oleh KPM. Sistem kehadiran pelajar secara atas talian akan digunakan untuk merekod kehadiran pelajar. Oleh itu, guru tidak perlu mengisi jadual kehadiran pelajar kecuali bagi sekolah yang tiada kemudahan capaian internet. Inisiatif ketiga pula berkaitan dengan pemansuhan peperiksaan tahap satu. Pihak sekolah diberi autoriti untuk merangka pelaksanaan Literasi dan Numerasi (LINUS) yang bersesuaian dengan keperluan murid (Maszlee, 2019).



Seterusnya, inisiatif keempat meliputi penyeragaman borang dan proses pemantauan. Inisiatif ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk memastikan para guru tidak terbeban untuk melengkapkan borang-borang kebersihan, keselamatan dan penarafan kantin. Borang-borang tersebut perlu diisi sendiri oleh pengusaha kantin di sekolah dan hanya disahkan oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) sahaja. Inisiatif terakhir adalah menyelaraskan penubuhan jawatankuasa di sekolah untuk memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang tiada kaitan dengan tugas-tugas mendidik dimansuhkan (Maszlee, 2019).

Namun begitu, tidak semua inisiatif yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan tersebut menepati semua beban kerja yang dihadapi oleh guru pada masa ini. Menurut Suhaimi dan Muhamad (2020), guru-guru di sekolah sentiasa berhadapan dengan pelbagai





tugas dan juga tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, seperti menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran, menyediakan bahan bantu mengajar, melaksanakan tugas pentadbiran dan guru juga perlu menghadiri bengkel serta mesyuarat yang diadakan oleh pihak pengurusan sekolah.

Bagi menangani masalah ini, pengetua yang bertindak sebagai penyelia kepada guru-guru di sekolah perlu memainkan peranan yang amat penting untuk memberi sokongan dan kerjasama yang baik kepada semua guru kerana ia merupakan perkara yang penting bagi memahami dan cakna akan masalah yang dihadapi oleh para guru. Menurut Pimploi, Patsara, Li dan Aongart (2020), penyelia perlu memberi sokongan dan maklumat serta sumber yang diperlukan oleh pekerja agar mereka dapat menyelesaikan tugas dengan baik, cekap dan berkesan kerana penyelia merupakan tempat rujukan untuk para pekerjanya. Oleh yang demikian, sokongan penyelia amat penting untuk diberi perhatian kerana ia dapat meningkatkan penglibatan kerja di tempat kerja melalui hubungan baik antara penyelia dan pekerja.

Menurut Rusinah, Noorazizun, Natasha dan Mohd (2017), sokongan penyelia merupakan salah satu faktor yang penting untuk pembangunan sekolah dan juga moral para guru. Tambahnya lagi, jika penyelia memberi sokongan dan kerjasama kepada guru, perkara tersebut mampu memberi motivasi, galakan penglibatan dalam kerja, membina keyakinan dan juga kepercayaan. Di samping itu, penyelia juga perlu memainkan peranan untuk memahami masalah guru dan memberi tunjuk ajar jika mereka menghadapi masalah untuk menyelesaikan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan.





Selain sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja juga merupakan faktor yang penting untuk membantu menangani masalah-masalah yang wujud dalam kalangan guru (Vera, Martinez, Lorente & Chambel, 2016). Hal ini demikian kerana apabila guru menerima sokongan daripada rakan sekerjanya, mereka akan lebih berkeyakinan dan berasa dihargai. Rakan sekerja juga mampu memberi bantuan apabila seseorang di antara mereka memerlukannya dan secara tidak langsung perkara tersebut mampu meningkatkan keyakinan bahawa matlamat kerja mereka akan tercapai. Hal ini boleh meningkatkan rasa tanggungjawab dalam kalangan pekerja untuk melaksanakan kerja-kerja yang perlu diselesaikan. Sokongan rakan sekerja juga mendorong mereka untuk terus berdedikasi melaksanakan setiap tugas dengan cekap dan berkesan (Ahmad, Bilal & Bibi, 2020). Perkara ini secara tidak langsung mampu meningkatkan tahap penglibatan kerja para guru di sekolah.



Menurut Robbins dan Judge (2019), penglibatan kerja boleh dilihat dalam diri setiap pekerja jika mereka mempunyai peluang untuk mempelajari sesuatu perkara yang baharu, menganggap kerja-kerja yang dilakukan adalah penting dan bermakna serta merasakan bahawa hubungan baik dengan rakan sekerja dan penyelia akan memberi ganjaran kepada diri mereka. Justeru itu, penyelia dan rakan sekerja memainkan peranan yang penting dalam memberi sokongan dan kerjasama kepada para guru untuk menjalankan tugas-tugas mereka.

Dalam konteks guru pula, jika guru-guru saling memberi sokongan dan juga kerjasama antara satu sama lain, tekanan yang dihadapi akibat lambakan beban kerja akan berkurangan (Maldrine & Henry, 2020). Hal ini demikian kerana mereka boleh merujuk dan meminta bantuan antara satu sama lain jika berhadapan dengan masalah semasa melaksanakan tugas yang perlu diselesaikan. Kepentingan sokongan rakan sekerja juga





ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025). Berdasarkan PPPM 2013-2025, sokongan rakan sekerja boleh membantu meningkatkan kecemerlangan profesional para guru melalui pementoran, pembangunan dan perkongsian, secara tidak langsung ia boleh meningkatkan tanggungjawab rakan sekerja bagi dalam memenuhi standard profesion keguruan (KPM, 2013).

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, guru perlu membangunkan keupayaan yang bertaraf dunia kerana perkara tersebut amat diperlukan bagi membantu untuk mencapai keberhasilan pelajar yang dihasratkan dan secara tidak langsung guru-guru akan berasa lebih seronok untuk melibatkan diri dan melaksanakan kerja-kerja mereka. Bagi mencapai hasrat tersebut, guru diminta untuk terus belajar dan sentiasa bersikap terbuka bagi mempelajari cara bekerja yang baharu, di samping melibatkan ibu bapa dan pelajar dalam proses pembelajaran, mempamerkan gaya berfikir, nilai-nilai serta tingkah laku yang diharapkan oleh para pelajar (KPM, 2013). Hal ini demikian kerana guru yang berkualiti tinggi adalah sangat penting untuk membangunkan taraf pendidikan di Malaysia. Namun begitu, ia tidak mencukupi jika perkara tersebut tidak disokong oleh dasar-dasar yang menyatakan bahawa guru-guru perlu dimanfaatkan secara seimbang, cekap dan produktif (Cetinkanat & Kosterelioglu, 2016).

Kini, isu beban kerja guru kian mendapat perhatian dari masa ke masa. Hal ini demikian kerana guru terus dibebani dengan pelbagai tugas. Ketika di sekolah, guru-guru perlu bertindak sebagai pengurus, perancang dan juga fasilitator supaya mereka dapat





membantu untuk melicinkan urusan pentadbiran sekolah. Beban kerja guru tidak terhad ketika di sekolah sahaja, malah, mereka juga mempunyai beban kerja ketika di rumah. Setelah tamat waktu bekerja di sekolah, guru perlu menyelesaikan semua tugas untuk hari berikutnya ketika di rumah, di samping mengawal rekod pembelajaran pelajar dan menghadiri pelbagai kursus yang berkaitan dengan sekolah (Bhandare & Seethlexmy, 2017). Perkara ini boleh mengakibatkan hasil yang tidak diingini seperti kekurangan tumpuan dalam pengajaran dan secara tidak langsung hal tersebut boleh memberi kesan buruk kepada pencapaian pelajar dan kualiti prestasi kerja mereka (Johanim, Yean & Zati, 2018).

Selain itu, guru-guru sering dihadapkan dengan proses komunikasi interpersonal ketika di sekolah. Hal ini demikian kerana mereka bekerja dalam persekitaran yang memerlukan interaksi berterusan dengan guru-guru lain, pelajar dan juga ibu bapa (Masluk, Santos, Cartagena, Martinez, Peck & Leiter, 2018). Seperti yang diketahui umum, kemajuan teknologi pada masa kini telah menyebabkan setiap pekerja, termasuklah guru-guru terpaksa terlibat dalam urusan kerja setelah tamat waktu bekerja mereka (Anila & Krishnaveni, 2016). Proses komunikasi interpersonal tersebut tidak berlaku semasa di sekolah sahaja, malah, ia juga berlaku ketika guru-guru berada di rumah. Hal ini demikian kerana guru-guru masih perlu berinteraksi dengan rakan-rakan guru, pelajar dan juga ibu bapa untuk menyampaikan perkara-perkara yang tertentu.

Selain itu, mereka perlu meluangkan lebih banyak masa pada setiap hari semata-mata untuk menyediakan sesi pengajaran yang efektif dan produktif (Yadav & Badugu, 2017). Ini bermakna, jika guru-guru tidak dapat menyelesaikan beban kerja yang perlu dilaksanakan di sekolah, mereka akan menyambung tugas-tugas tersebut dan menyelesaikannya ketika di rumah. Perkara ini boleh menyebabkan para guru kurang berminat untuk melibatkan diri





dalam tugas-tugas yang diberikan kepada mereka kerana hal tersebut boleh menyebabkan mereka berhadapan dengan keletihan fizikal dan mental setelah seharian bekerja. Namun begitu, menurut Mahazi, Zoharah, Khairuddin dan Ramli (2015), beban kerja yang kian meningkat tidak semestinya membebankan dan membawa kesan yang negatif kepada para guru, sebaliknya terdapat guru-guru yang boleh menyesuaikan diri dengan kerja-kerja yang dihadapi dan seterusnya meningkatkan penglibatan kerja mereka di sekolah.

Selaras dengan kenyataan oleh Johanim, Yean dan Zati (2018), terdapat juga guru-guru yang mempunyai kepakaran tertentu dalam melaksanakan tugas harian mereka sebagai guru. Di samping itu, mereka juga memiliki pengalaman yang cukup untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka ketika di sekolah, terutamanya berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, walaupun guru-guru tersebut berhadapan dengan beban kerja yang berat, perkara tersebut tidak menjejaskan prestasi kerja mereka di sekolah.

Menurut Granziera, Collie dan Martin (2021), beban kerja yang ditanggung oleh guru tidak bersifat negatif sepenuhnya. Hal ini demikian kerana setiap cabaran dan masalah yang dihadapi oleh guru dapat diselesaikan oleh mereka melalui pelbagai cara. Perkara ini membuktikan bahawa guru-guru di sekolah merupakan guru-guru yang berpengalaman serta komited terhadap kerja-kerja yang perlu diselesaikan oleh mereka. Rentetan itu, penyelidik ingin mengkaji kesan beban kerja terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru Sekolah Berasrama Penuh di Selangor. Penyelidik ingin melihat sama ada beban kerja memberi kesan positif atau kesan negatif terhadap penglibatan kerja guru di sekolah.





Alzyoud, Siti dan Mohd (2015) menyatakan bahawa adalah amat sukar untuk memastikan setiap pekerja sentiasa terlibat dengan kerja-kerja mereka kerana perkara tersebut bukanlah satu tugas yang mudah. Namun begitu, penyelia boleh mempengaruhi setiap pekerja kerana mereka mempunyai kuasa untuk mempengaruhi keadaan di tempat kerja. Kenyataan tersebut disokong oleh Brown (2014) yang menjelaskan bahawa penyelia memainkan peranan penting untuk mewujudkan keadaan bagi memastikan penglibatan para pekerja. Hal ini demikian kerana penyelia akan berinteraksi dengan para pekerjanya hampir setiap hari. Apabila pekerja sentiasa terlibat dengan kerja, mereka akan berasa kerja tersebut lebih mudah untuk dilaksanakan dan secara tidak langsung mereka akan terus komited melaksanakan kerja-kerja yang perlu diselesaikan.

Perkara ini menjelaskan bahawa pekerja yang melaksanakan kerja mempunyai perspektif yang lebih luas mengenai tanggungjawab mereka terhadap organisasi. Mereka juga lebih berminat untuk bekerja secara berkumpulan, bertukar-tukar idea dan pandangan mengenai sesuatu tugas dengan ahli kumpulan yang lain, termasuk meminta pendapat dan penerangan daripada penyelia mereka. Sehubungan dengan itu, kualiti kerja mereka akan meningkat dan secara tidak langsung mereka dapat melaksanakan kerja-kerja dengan lebih cekap dan berkesan (Gupta, Acharya & Gupta, 2015). Keadaan ini menunjukkan bahawa sokongan penyelia memainkan peranan penting dalam meningkatkan penglibatan kerja para pekerja.

Dalam konteks guru pula, sekiranya penyelia kurang memberi sokongan, terutamanya sokongan terhadap keperluan dan juga perasaan guru, perkara tersebut akan memberikan kesan atau maklum balas yang negatif, membantutkan pembangunan kemahiran dalam kalangan guru serta sukar menyelesaikan masalah yang wujud di sekolah.





Hal ini demikian kerana penyelia yang kurang memberi sokongan kepada guru-guru akan mengurangkan penglibatan kerja dalam kalangan guru di sekolah (Ariani, 2015). Setiap tugas yang diberikan kepada guru-guru memerlukan sokongan dan bimbingan daripada penyelia mereka, di samping menunjukkan bahawa mereka yakin semua guru mampu untuk melakukan kerja-kerja yang diberikan. Oleh itu, penyelidik ingin meneroka kesan sokongan penyelia terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru Sekolah Berasrama Penuh di Selangor.

Menurut Brown (2014), sokongan rakan sekerja adalah faktor kedua yang terpenting selepas sokongan penyelia. Ariani (2015) menjelaskan bahawa sokongan rakan sekerja boleh memotivasikan para pekerja untuk melaksanakan tugas, walaupun tugas tersebut tidak termasuk di dalam deskripsi kerja mereka. Tambahnya lagi, pekerja akan berasa selesa di tempat kerja apabila disokong oleh rakan-rakan setugas. Hal ini demikian kerana sokongan yang diberi oleh rakan sekerja akan membantu para pekerja untuk melakukan kerja-kerja mereka, seperti bantuan dari segi penyediaan maklumat, penyediaan sumber, bersikap empati dan memberi bimbingan.

Sehubungan dengan itu, rakan sekerja juga mempengaruhi persekitaran sosial di tempat kerja, di samping mempunyai keupayaan untuk membantu dan melaksanakan tugas-tugas rakannya yang lain sekiranya mereka mempunyai perkara yang lebih penting untuk diselesaikan, seperti masalah peribadi (Saleem & Abbasi, 2015). Hal tersebut boleh meringankan beban kerja yang perlu dihadapi oleh para pekerja, terutamanya guru-guru.





Guru-guru lebih mudah untuk bekerjasama dengan rakan sekerja dan mereka saling memberi serta menerima sokongan sosial daripada rakan sekerja. Rakan sekerja yang saling memberi sokongan akan membantu para guru untuk berkongsi pengalaman, masalah, kaedah-kaedah pengajaran dan strategi pengurusan pelajar (Avanzi, Fraccaroli, Castelli, Marcionetti & *et.al.*, 2018). Seterusnya, perkara tersebut membantu untuk mengurangkan keletihan, mengatasi tekanan dan meningkatkan penglibatan kerja dalam kalangan guru. Namun begitu, perkara-perkara tersebut belum tentu berlaku dalam kalangan guru Sekolah Berasrama Penuh di Selangor. Oleh yang demikian, penyelidik ingin mengkaji kesan sokongan rakan sekerja terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.

Kajian mengenai beban kerja guru sering dikaitkan dengan keseimbangan kehidupan-kerja di sekolah. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan oleh Chee, Goy, Leow, Moo dan Wong (2016); Johanim, Yean dan Zati (2018); Ismail dan Kam (2018); Holland, Leng, Sheehan dan Cooper (2019); Syihabudhin, Elfia, Lohana, Afwan dan Ofan (2020) serta Putri (2020) yang menyatakan bahawa beban kerja mempunyai kesan yang signifikan terhadap keseimbangan kehidupan-kerja. Kemudian, kajian mengenai sokongan penyelia pula sering dikaji hubungannya terhadap kepuasan kerja, seperti kajian yang dijalankan oleh Gok, Karatuna dan Karaca (2015); Muhammad Asif Qureshi dan Kamal (2017) dan Vann (2017). Seterusnya, kajian mengenai sokongan rakan sekerja dikaitkan dengan tekanan kerja. Perkara tersebut dapat dibuktikan melalui kajian yang dilaksanakan oleh Wolff, Gay, Wilson, DeJoy dan Vandenberg (2016); Havermans, Boot, Houtman, Brouwers, Anema dan Van Der Beek (2017); Kavita dan Norliza (2018); Samana dan Abdul Jalil (2018) serta Duong, Ibiwani dan Anusuiya (2020) yang mendedahkan bahawa sokongan rakan sekerja boleh mengurangkan tekanan kerja yang dihadapi oleh para pekerja.





Namun, kajian berkaitan dengan kesan beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru masih kurang dijalankan.

Selain itu, kajian mengenai beban kerja, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja ini kebanyakannya dilaksanakan di luar negara. Kajian-kajian yang dilaksanakan oleh para sarjana luar negara, seperti Sadiya dan Maimunah (2016); Breevaart dan Bakker (2018); Dogru (2018); Montani, Vandenberghe, Khedhaouria dan Courcy (2019); Santoso, Kessi dan Anggraeni (2020) serta Anbazhagan, Cailassame dan Murugan (2020) telah memberi pelbagai hujah dan ideologi berkaitan dengan beban kerja, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja. Namun, kajian yang fokus kepada perkaitan antara beban kerja, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja masih kurang dijalankan oleh para sarjana di Malaysia, terutamanya dalam sektor pendidikan. Hal ini demikian kerana kebanyakan para sarjana lebih memfokuskan skop kajian mereka di hotel dan hospital. Contohnya, kajian yang telah dijalankan oleh Suan dan Aizzat (2016) menjalankan kajian mengenai sokongan penyelia dan penglibatan kerja dalam kalangan pekerja hotel, Choo (2017) mengkaji tentang sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja dalam kalangan pekerja hotel, Umair, Muzafar, Benazir, Saeed, Abdul dan Muhammad (2017) melaksanakan kajian tentang beban kerja dan penglibatan kerja dalam kalangan jururawat, manakala, Aizzat, Tan dan Sabrina (2018) menjalankan kajian tentang sokongan sosial, penglibatan kerja dan prestasi kerja dalam kalangan jururawat. Rentetan itu, penyelidik ingin menjalankan kajian ini dalam kalangan guru Sekolah Berasrama Penuh di negeri Selangor.





Tambahan pula, para sarjana luar negara yang telah menjalankan kajian berkaitan beban kerja, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja tidak mengkaji keempat-empat pemboleh ubah tersebut secara serentak. Kebanyakan penyelidik mengkaji hubungan sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja terhadap penglibatan kerja, pengaruh beban kerja terhadap penglibatan kerja atau dikaji pemboleh ubah tersebut secara berasingan. Hal tersebut dapat dibuktikan melalui kajian yang dilaksanakan oleh Shuck, Owen, Manthos, Quirk dan Rhoades (2016); Holland, Cooper dan Sheehan (2016); Muhammad Faisal, Shazia dan Imran (2018); Makera, Yusuf, Kamaruddeen dan Jemaku (2019). Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji kesan beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja terhadap penglibatan kerja secara serentak kerana isu beban kerja guru dikatakan semakin kritikal dari semasa ke semasa, di samping kajian mengenai sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja masih kurang dijalankan, terutamanya dalam sektor pendidikan di Malaysia.

Seterusnya, kajian ini akan dijalankan di Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Selangor. Hal ini demikian kerana negeri Selangor merupakan negeri yang paling banyak bilangan SBP, iaitu sembilan buah sekolah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia (KPM, 2020). Selain itu, terdapat keperluan untuk melaksanakan kajian di SBP kerana kebanyakan kajian-kajian lepas dalam negara melaksanakan kajian mereka di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan cina, sekolah menengah, sekolah menengah teknik, kolej vokasional, kolej swasta dan universiti penyelidikan, seperti kajian yang dilaksanakan oleh Sharifah, Suhaida dan Soaib (2014); Ooi dan Aziah (2015); Zuhaili dan Ramlee (2017); Teng, Zaiton, Mark, Nur Fatimah dan Nik (2017); Achour, Shahidra, Bahiyah, Mohd dan Mohd (2017); Rosnah dan Siti (2018); Arzizul dan Norizah (2018) serta Suhaimi dan



Muhamad (2020). Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk melaksanakan kajian ini dalam kalangan guru di SBP negeri Selangor.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk:

- a) Mengetahui tahap beban kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.
- b) Mengetahui tahap sokongan penyelia dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.
- c) Mengetahui tahap sokongan rakan sekerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.
- d) Mengetahui tahap penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.
- e) Mengetahui kesan beban kerja terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.
- f) Mengetahui kesan sokongan penyelia terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.

- g) Mengenal pasti kesan sokongan rakan sekerja terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan mencari jawapan bagi persoalan berikut:

- a) Apakah tahap beban kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor?

- b) Apakah tahap sokongan penyelia dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh,

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

- c) Apakah tahap sokongan rakan sekerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor?

- d) Apakah tahap penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor?

- e) Adakah beban kerja memberi kesan terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor?

- f) Adakah sokongan penyelia memberi kesan terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor?

- g) Adakah sokongan rakan sekerja memberi kesan terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor?

1.6 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis telah disenaraikan untuk diuji dalam kajian ini. Hipotesis-hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

H1: Terdapat kesan signifikan antara beban kerja dan penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.


H2: Terdapat kesan signifikan antara sokongan penyelia dan penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.

H3: Terdapat kesan signifikan antara sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Penyelidik membina satu kerangka konseptual kajian untuk mengkaji sama ada beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja memberi kesan kepada penglibatan kerja guru di sekolah ataupun tidak.

Pembolehubah bagi kerangka kajian ini diadaptasi daripada Model Bakker dan Demerouti (*Job Demand-Resources Model*) (2007) dan kajian-kajian lepas seperti, Umair, Muzafar, Benazir, Saeed, Abdul Samad dan Muhammad (2017); Vera, Martinez, Lorente dan Chambel (2015) serta Schaufeli dan Bakker (2004). Pembolehubah yang dimaksudkan ialah beban kerja, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja. Kerangka konseptual kajian ditunjukkan seperti Rajah 1.1 di bawah.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Beban kerja yang perlu dilaksanakan oleh seseorang guru boleh memberi impak yang positif kepada diri mereka sendiri, seperti meningkatkan pengalaman, kemahiran dan juga pengetahuan mereka (Rosnah & Siti, 2018). Walau bagaimanapun, beban kerja yang melampau boleh menjejaskan prestasi kerja dan secara tidak langsung menyebabkan para guru kurang melibatkan diri dengan tugas dan aktiviti di sekolah. Isu beban kerja dalam kalangan guru masih hangat diperkatakan dan KPM juga sedang berusaha untuk mengurangkan beban kerja yang dialami oleh para guru (Bernama, 2019). Namun begitu, beban kerja guru semakin bertambah sehingga ke hari ini.



Selain itu, sokongan penyelia merupakan salah satu elemen yang penting untuk meningkatkan penglibatan kerja guru di sekolah. Elemen tersebut juga merupakan faktor utama yang memberi kesan kepada penglibatan kerja guru (Brown, 2014). Hal ini demikian kerana sokongan yang diberikan oleh penyelia boleh memotivasikan guru-guru untuk melibatkan diri dengan tugas-tugas di sekolah. Sehubungan dengan itu, penyelia seharusnya memahami keperluan guru-guru dan menyediakan sumber atau maklumat yang diperlukan oleh mereka (Sobia & Yasir, 2014) supaya penglibatan kerja dalam kalangan guru di sekolah dapat ditingkatkan.

Sokongan rakan sekerja juga boleh meningkatkan penglibatan kerja dalam kalangan guru (Suan & Aizzat, 2013). Menurut Luchman dan Moralez (2013), guru yang saling memberi sokongan antara satu sama lain akan memperoleh bantuan daripada rakan sekerja apabila mereka memerlukan pertolongan untuk menyelesaikan tugas. Rakan sekerja boleh memberi sokongan dalam pelbagai bentuk kepada para guru, seperti berkongsi idea, menyampaikan maklumat, memahami masalah yang dihadapi guru dan membantu guru untuk menyelesaikan tugas sekiranya guru kurang pengetahuan mengenai tugas tersebut (Pui-Yee, Nur & Jamayah, 2017). Jika para guru saling menyokong rakan-rakan mereka, suasana harmoni dan kondusif di tempat kerja dapat diwujudkan, secara tidak langsung, guru-guru berasa seronok untuk melibatkan diri dengan aktiviti di sekolah.

Guru pada masa kini berhadapan dengan cabaran beban kerja yang agak kritikal dan perkara tersebut telah menyebabkan guru-guru kurang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti sekolah atau tugas yang diberi (Breevaart & Bakker, 2018). Sehubungan dengan itu, penyelia dan rakan sekerja memainkan peranan yang penting untuk memastikan guru-guru sentiasa melibatkan diri dengan tugas yang perlu diselesaikan (Brown, 2014).





Oleh itu, hubungan beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja dengan penglibatan kerja guru dapat ditunjukkan melalui kerangka konsep kajian ini. Hubungan beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja dengan penglibatan kerja dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Menguc, Auh, Fisher dan Haddad (2013); Brown (2014); Vera, Martinez, Lorente dan Chambel (2015); Ariani (2015); Suan (2015); Holland, Cooper dan Sheehan (2016); Sadiya dan Maimunah (2016); Umair, Muzafar, Benazir, Saeed, Abdul Samad dan Muhammad (2017); Breevaart dan Bakker (2018) serta Aizzat, Tan dan Sabrina (2018). Ini membuktikan beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja merupakan isu-isu yang perlu diambil perhatian dan dikaji dalam kalangan guru untuk meningkatkan penglibatan kerja mereka di sekolah.



Kajian yang akan dijalankan ini memberi kepentingan kepada beberapa pihak, iaitu guru-guru, para pelajar, pihak sekolah dan juga kepada negara. Oleh itu, hasil kajian ini boleh digunakan untuk menambah baik isu beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja dalam kalangan guru supaya guru-guru sentiasa bersemangat untuk melibatkan diri dalam setiap tugas yang perlu dilaksanakan.

1.8.1 Kepentingan kepada Guru

Kajian yang akan dijalankan ini amat penting kepada guru kerana ia akan memberi impak yang besar dalam kehidupan seseorang guru. Setiap guru mempunyai beban kerja yang





berbeza-beza dan mereka akan bekerja tanpa mengira masa. Perkara ini akan memberi kesan buruk kepada semua pihak yang terlibat, termasuklah guru itu sendiri. Hal ini akan mengakibatkan guru-guru kurang fokus dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar. Secara tidak langsung, ia memberi kesan negatif kepada pencapaian pelajar dan prestasi sekolah juga akan menurun. Apabila guru-guru mula berasa letih dengan tugas harian, mereka akan mencari peluang untuk berehat seketika daripada beban kerja tersebut. Hal ini akan meningkatkan kadar ketidakhadiran guru kerana mereka akan mula untuk memohon cuti daripada penyelia, seperti cuti rehat khas, cuti kecemasan dan cuti sakit.

Namun begitu, sokongan daripada penyelia dan rakan sekerja amat penting untuk memastikan guru sentiasa terlibat dengan tugas harian mereka di sekolah. Oleh yang demikian, kajian ini amat penting untuk dikaji, terutamanya dalam kalangan guru. Melalui kajian ini, guru-guru boleh menggunakan hasil kajian untuk memperbaiki masalah tersebut bagi meningkatkan tahap penglibatan kerja dalam tugas-tugas yang perlu dilaksanakan. Mereka juga boleh mengaplikasikan cadangan-cadangan yang akan dikemukakan supaya dapat memperbaiki isu beban kerja, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja ke arah yang lebih baik.

Seterusnya, kajian ini juga penting untuk memberi kesedaran kepada guru-guru mengenai kepentingan ilmu pengetahuan berkaitan dengan pengajaran, pengurusan dan pentadbiran sekolah agar mereka dapat meningkatkan tahap pengetahuan pelajar dan profesionalisme guru-guru itu sendiri. Perkara ini juga penting agar guru dapat berkongsi ilmu pengetahuan dan maklumat yang terkini mengenai sesuatu perkara kepada rakan-rakan sekerja dan juga penyelia mereka. Sehubungan dengan itu, para guru mampu melaksanakan kerja-kerja yang perlu diselesaikan dengan lebih mudah melalui perkongsian maklumat,





pengetahuan dan juga bahan-bahan yang berkaitan dengan tugas. Oleh yang demikian, sokongan daripada penyelia dan rakan sekerja amat penting untuk memastikan guru-guru dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka secara menyeluruh.

Sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan para guru untuk terus berusaha bagi mencapai matlamat sekolah melalui penglibatan mereka dalam setiap kerja yang ditugaskan oleh penyelia mereka, di samping bantuan yang diberikan oleh rakan sekerja berkaitan maklumat dan sumber untuk melakukan kerja-kerja tersebut dengan lebih cekap dan berkesan. Kepercayaan yang diberikan kepada guru akan meningkatkan rasa tanggungjawab untuk melaksanakan tugas agar dapat memajukan sekolah dan meningkatkan pengetahuan pelajar. Oleh itu, guru-guru sentiasa melaksanakan setiap kerja yang diberikan dengan baik kerana mereka berasa dihargai oleh penyelia dan rakan sekerja yang memberi sokongan apabila mereka menghadapi masalah, terutamanya ketika di tempat kerja.

Penyelia yang memberi sokongan akan berkongsi maklumat dan memberi peluang kepada para guru untuk berfikir serta melakukan perbincangan secara bersama agar mereka dapat mengemukakan cadangan-cadangan yang praktikal. Sehubungan dengan itu, para guru dapat membantu penyelia untuk membuat keputusan secara kolektif melalui cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh mereka. Melalui pendekatan ini, guru-guru akan berasa lebih bertanggungjawab untuk berusaha bersama-sama bagi mencapai matlamat sekolah. Jelas bahawa kajian ini penting kepada guru agar dapat dikaji mengenai beban kerja mereka, sokongan yang diberikan oleh penyelia dan rakan sekerja, seterusnya mengkaji perkaitan ketiga-tiga aspek tersebut untuk melihat corak penglibatan kerja mereka ketika di sekolah.





1.8.2 Kepentingan kepada Pelajar

Dalam sektor pendidikan, guru menghadapi pelbagai cabaran, di samping berusaha untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang terbaik untuk para pelajar. Guru bukan sahaja ditugaskan untuk mengajar para pelajar, malah, mereka juga perlu memberi tumpuan kepada kemahiran insaniah dan kemahiran hidup supaya mereka mampu untuk melahirkan pelajar-pelajar yang profesional dan menjadi insan yang berguna kepada masyarakat (Bhandare & Seethalexmy, 2017). Jika guru sering berasa terbeban, mereka tidak akan berasa gembira dan secara tidak langsung ia akan memberi kesan buruk kepada kesihatan mereka sendiri. Mereka juga tidak mampu untuk menyampaikan ilmu dengan kaedah yang berkesan kerana mereka berada dalam keadaan yang tidak tenang.



Tambahan pula, terdapat guru-guru yang kurang menerima sokongan daripada penyelia dan juga rakan sekerja. Hal ini akan mengakibatkan prestasi para pelajar merosot dari hari ke hari. Oleh itu, kajian ini amat penting untuk dilaksanakan bagi membantu para guru memperbaiki masalah yang dihadapi supaya mereka sentiasa melibatkan diri dengan tugas harian yang perlu dilaksanakan. Jika guru mampu memperbaiki masalah-masalah tersebut, mereka cenderung untuk berasa lebih gembira apabila tiba di sekolah. Oleh yang demikian, mereka akan menjalankan tugas sebaik mungkin, termasuklah tugas untuk mengajar.

Apabila guru berasa gembira dengan tugas yang dilakukan, mereka akan menjadi seorang yang lebih produktif (Muhammad Riaz & *et. al.*, 2016; Panneerselvam, 2016). Secara tidak langsung, sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas juga akan lebih





berkesan dan efektif. Perkara tersebut dapat meningkatkan kefahaman para pelajar dan seterusnya meningkatkan prestasi mereka di sekolah.

Selain itu, jika guru-guru di sekolah sentiasa melibatkan diri dengan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan, mereka akan bekerjasama dengan penyelia dan juga rakan sekerja untuk berkongsi maklumat, pendapat, idea dan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan tugas tersebut. Sehubungan dengan itu, mereka sentiasa mempelajari ilmu pengetahuan baru semasa sesi perbincangan secara berkumpulan bersama penyelia dan rakan sekerja tentang sesuatu kerja yang perlu dilaksanakan oleh mereka. Perkara tersebut termasuklah ilmu-ilmu pedagogi yang perlu sentiasa diperbaharui oleh guru-guru supaya dapat digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, para pelajar sentiasa berasa seronok untuk belajar kerana mereka tidak berasa bosan dengan kaedah pengajaran yang



05-4506832 disampaikan oleh guru mereka.



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Pendidikan di sekolah tidak terhad kepada pengetahuan semata-mata, malah, pendidikan bersifat menyeluruh yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pendidikan yang bersifat menyeluruh mampu melahirkan modal insan yang berkualiti, berketrampilan, berpengetahuan tinggi dan berguna pada masa akan datang. Rentetan itu, peranan guru sebagai pendidik amat penting untuk ditekankan dan penyelia di sekolah perlu memberi sokongan padu kepada guru-guru dari segi penambahbaikan kemahiran mengajar, ilmu pengetahuan yang terkini dan juga berkongsi cadangan yang bernas berkaitan pengajaran. Hal ini demikian kerana jika guru-guru berasa terbeban dengan tugas selain mengajar, berkemungkinan mereka akan hilang tumpuan semasa mengajar. Seterusnya, perkara tersebut menyebabkan ilmu yang disampaikan kurang berkesan kepada pelajar. Oleh itu, penyelia perlu peka dengan keadaan guru-guru di sekolah dan sentiasa memberi galakan



dan membuka peluang kepada mereka untuk sentiasa bekerjasama dengan rakan-rakan guru supaya boleh menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran sedia ada.

Oleh itu, dapat dilihat bahawa pentingnya kajian ini dijalankan oleh penyelidik untuk memberi maklumat, manfaat serta cadangan-cadangan yang berkualiti kepada para guru dan pihak yang terlibat bagi membantu untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh para guru serta meningkatkan kualiti pengajaran mereka dan secara tidak langsung, ia akan meningkatkan prestasi para pelajar.

1.8.3 Kepentingan kepada Sekolah

Melalui kajian ini, pihak sekolah dapat menggunakan hasil kajian untuk membuat penambahbaikan terhadap isu beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja di sekolah, di samping dapat mengetahui sejauh mana penglibatan kerja guru-guru tersebut. Jika perkara ini dapat diperbaiki dengan baik, ia boleh memberi kesan yang positif kepada pihak sekolah, seperti pengurangan kadar ketidakhadiran, peningkatan produktiviti, guru lebih bermotivasi dan berpuas hati terhadap kerja-kerja yang perlu dilaksanakan (Adeeba & Feza, 2015). Secara tidak langsung, prestasi sekolah juga akan meningkat kerana guru-guru akan sentiasa berusaha untuk mengharumkan nama sekolah mereka melalui penglibatan dalam pertandingan di peringkat sekolah, negeri mahupun antarabangsa. Mereka lebih bersemangat untuk saling berganding bahu bagi menaikkan lagi nama sekolah mereka.

Namun begitu, sebagai guru, mereka sentiasa berhadapan dengan cabaran untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi emosi, jasmani, rohani dan intelek kerana guru



di sekolah bukan sahaja menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran, malah, mereka turut melaksanakan kerja-kerja pengurusan sekolah untuk membantu dan melicinkan urusan pentadbiran. Tanggungjawab yang tinggi akan menyebabkan guru-guru mudah berasa letih dan memberi kesan kepada pengajaran di dalam kelas.

Walau bagaimanapun, jika guru-guru sentiasa disokong oleh penyelia dan rakan sekerja dari segi perkongsian bahan, maklumat, cadangan-cadangan dan juga idea, mereka akan berasa lebih bertanggungjawab untuk melibatkan diri dengan kerja-kerja yang perlu diselesaikan oleh mereka. Hal ini demikian kerana guru-guru berasa lebih dihargai apabila penyelia dan rakan sekerja sentiasa memberi bantuan apabila mereka berhadapan dengan cabaran dan masalah sama ada di tempat kerja atau pun di luar tempat kerja. Perkara ini dapat menaikkan semangat guru untuk terus berusaha mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Oleh itu, kajian ini amat penting untuk dilaksanakan bagi membantu pihak sekolah membuat penambahbaikan terhadap isu-isu yang dikaji oleh penyelidik.

1.8.4 Kepentingan kepada Negara

Guru merupakan tulang belakang terhadap sistem pendidikan negara. Hal ini demikian kerana mereka menjadi sumber manusia yang penting untuk membangunkan ekonomi negara melalui penyampaian ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman. Guru-guru akan membantu pelajar untuk menggalas tanggungjawab dalam memajukan negara di masa hadapan (Singh & Singh, 2015). Guru-guru juga memberi sumbangan dalam memupuk, mendidik dan membangunkan pemikiran generasi muda melalui pengajaran dan





penyelidikan. Hal ini dapat membantu dalam menyediakan tenaga kerja untuk industri, membangunkan usahawan serta membawa inovasi dan penciptaan dengan memotivasikan pemikiran anak muda untuk terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan. Perkara-perkara tersebut merupakan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, para guru memerlukan sokongan daripada penyelia dan rakan sekerja untuk terus bermotivasi melaksanakan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan. Hal ini demikian kerana sokongan yang diberikan oleh penyelia dan rakan sekerja boleh membantu guru-guru untuk menyelesaikan setiap kerja yang perlu dilakukan. Rentetan itu, para guru dapat menjalankan setiap tugas dengan baik, berkesan, efektif serta berkualiti. Secara tidak langsung, mereka dapat melahirkan generasi yang mampu membantu untuk memajukan negara dan menjadi penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pada masa akan datang.



Oleh yang demikian, isu beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja dalam kalangan guru amat perlu dititikberatkan kerana mereka menggalas satu tanggungjawab yang besar untuk mendidik anak bangsa supaya menjadi insan yang cemerlang dan berpengetahuan luas di masa hadapan, di samping membantu untuk meningkatkan ekonomi negara serta mengharumkan nama negara di persada dunia.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada beban kerja, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja terhadap penglibatan kerja dalam kalangan guru. Selain itu, kajian ini hanya dilaksanakan di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor sahaja. Seterusnya, sampel kajian ini





adalah terhad kepada guru-guru Sekolah Berasrama Penuh di Selangor. Oleh itu, julat responden hanya terhad di kawasan yang telah dinyatakan dan soal selidik akan diedarkan kepada guru-guru Sekolah Berasrama Penuh di lokasi tersebut sahaja. Kajian ini dijalankan di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor, maka, hasil kajian ini tidak dapat mewakili guru-guru di tempat lain disebabkan oleh perbezaan persepsi dan persekitaran kerja yang berbeza. Namun begitu, pihak-pihak yang terlibat masih boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai rujukan untuk menangani isu beban kerja, meningkatkan sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja supaya penglibatan kerja dalam kalangan guru dapat ditingkatkan.

1.10 Definisi Operasional



05 Definisi operasional akan menjelaskan konsep-konsep utama yang digunakan dalam kajian ini, iaitu beban kerja, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja, penglibatan kerja dan juga guru.

1.10.1 Beban Kerja

Beban kerja merujuk kepada semua aktiviti yang melibatkan masa pekerja dalam melaksanakan tugas, tanggungjawab dan kepentingan profesional di tempat kerja, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dari sudut guru pula, beban kerja bukan sahaja memerlukan masa di sekolah, tetapi, guru juga perlu menghabiskan lebih banyak masa di rumah selepas tamat waktu bekerja untuk menjadi guru yang efektif dan produktif dalam sesi pengajaran mereka (Johanim, Yean & Zati, 2018). Dalam konteks kajian ini, beban kerja





merujuk kepada semua kerja dalam skop bidang tugas seorang guru sama ada di tempat kerja atau di luar tempat kerja, seperti menulis rancangan pengajaran, menyemak tugasan pelajar, membuat laporan peperiksaan, menyediakan dokumentasi, melaksanakan tugasan pentadbiran, bertindak sebagai guru ganti dan menghadiri mesyuarat.

1.10.2 Sokongan Penyelia

Sokongan penyelia merujuk kepada sejauh mana para pekerja menganggap bahawa penyelia memberi sokongan, dorongan dan menunjukkan keprihatinan terhadap mereka (Babin & Boles, 1996). Menurut DeConinck (2010), sokongan penyelia berlaku ketika pekerja melihat sokongan yang diberikan oleh penyelia dan perkara itu membuatkan mereka berasa lebih aman dan menganggap bahawa organisasi menjaga kebajikan mereka. Dalam konteks kajian ini, sokongan penyelia merujuk kepada pengetua sekolah yang memberi sokongan dan dorongan kepada para guru untuk terus melibatkan diri dengan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan, di samping melengkapkan pengetahuan guru untuk melaksanakan tugasan tersebut serta menunjukkan rasa keprihatinan terhadap masalah yang dihadapi oleh guru-guru.

1.10.3 Sokongan Rakan Sekerja

Sokongan rakan sekerja mempunyai pengaruh yang besar terhadap rakan sekerja yang lain sama ada mereka dapat mengimbangi waktu antara kerja dan kehidupan atau tidak (Cook & Minnotte, 2008). Sokongan rakan sekerja dapat didefinisikan sebagai individu yang melihat





pekerja lain di organisasi mereka sebagai seorang yang boleh membantu dan menyokong mereka (Liao, Joshi & Chuang, 2004). Jenis sokongan ini termasuk merawat rakan sekerja, memberi mereka bantuan yang ketara atau memberi mereka maklumat yang berguna (Ducharme & Martin, 2000; Parris, 2003). Dalam konteks kajian ini, sokongan rakan sekerja merujuk kepada rakan sekerja para guru yang boleh memberi bantuan dan bertimbang rasa apabila mereka diperlukan serta sentiasa bersama-sama melibatkan diri dengan aktiviti sekolah atau tugas yang diamanahkan kepada mereka.

1.10.4 Penglibatan Kerja

Penglibatan kerja merujuk kepada pekerja yang dapat menjiwai atau melibatkan diri mereka secara aktif dalam tugas yang diberikan kepada mereka (Kanungo, 1982). Menurut Lodahl dan Kejner (1965), penglibatan kerja boleh ditakrifkan sebagai kepercayaan seseorang pekerja mengenai sejauh mana tugas-tugas yang dilaksanakan oleh mereka adalah penting dan dapat memenuhi keperluan semasa mereka. Penglibatan kerja juga didefinisikan sebagai sesuatu yang positif dan memenuhi keadaan fikiran dengan perkara yang berkaitan dengan pekerjaan, yang mana, ia boleh dicirikan sebagai semangat, dedikasi dan juga penyerapan (Schaufeli, Salanova, Gonzalez-Romá & Bakker, 2002). Dalam konteks kajian ini, penglibatan kerja merujuk kepada guru yang bersemangat, merasakan dirinya penting, berinspirasi dan sanggup berhadapan dengan cabaran serta mempunyai ketahanan mental yang tinggi semasa melaksanakan kerja-kerja yang diberikan. Ia juga merujuk kepada guru yang bersedia untuk berusaha dan sentiasa tekun dalam menyelesaikan kerja walaupun berhadapan dengan pelbagai masalah.



1.10.5 Guru

Guru merupakan seorang pendidik yang mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan juga tanggungjawab untuk menyampaikan ilmu kepada para pelajar (Jamaliah, 2014). Selain mempunyai pengetahuan dan kemahiran, guru juga telah diberi latihan untuk mengajar, memberi penerangan dan mendidik supaya mereka mampu untuk mencipta perubahan tingkah laku dari aspek kognitif, psikomotor dan afektif. Dalam konteks kajian ini, guru merupakan seorang yang terlatih dalam bidang perguruan dan dipilih secara rawak di Sekolah Berasrama Penuh, Selangor.

1.10.6 Sekolah Berasrama Penuh

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2009), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) merujuk kepada sekolah menengah yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai pengiktirafan kepada sekolah tersebut kerana telah mencapai Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Dalam kajian ini, penyelidik memilih SBP di negeri Selangor kerana negeri tersebut merupakan negeri yang paling banyak bilangan SBP berbanding negeri-negeri lain, iaitu sebanyak sembilan buah sekolah.



1.11 Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan mendapatkan maklumat lebih lanjut berkaitan isu beban kerja para guru, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja terhadap penglibatan kerja guru di sekolah. Kajian ini adalah berdasarkan kepada Model Bakker dan Demerouti (*Job Demand-Resources Model*) (2007) dan kajian-kajian lepas seperti, Umair, Muzafar, Benazir, Saeed, Abdul Samad dan Muhammad (2017); Vera, Martinez, Lorente dan Chambel (2015) serta Schaufeli dan Bakker (2003). Model-model dan kajian literatur daripada penyelidik-penyelidik lepas berkaitan beban kerja, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan penglibatan kerja akan dibincangkan dalam bab seterusnya. Oleh itu, diharapkan kajian ini akan memberi manfaat kepada pihak yang terlibat untuk terus memantapkan usaha mengenai isu beban kerja guru, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja supaya penglibatan kerja dalam kalangan para guru di sekolah dapat ditingkatkan. Sehubungan dengan itu, huraian mengenai pemboleh ubah yang dikaji akan dihurai dan dijelaskan dengan lebih mendalam dan teliti di dalam bab seterusnya, iaitu kajian literatur.

